



AHAD 15 JUN 2025

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE 29



KANDUNGAN

**Perutusan Pengerusi
Maklumat Koperasi
Notis Mesyuarat Agung
Aturcara**

Agenda Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-29

- 1. Melantik seorang Anggota untuk mempengerusikan Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-29, mengikut fasal(1) Undang-Undang Kecil 33.**
- 2. Ucapan Aluan Yang Berbahagia Datuk Pengerusi KOBANGI Sesi 2024-2025.**
- 3. AGENDA 1:** Melantik satu Jawatankuasa yang terdiri daripada enam (6) orang Anggota dan empat (4) orang Anggota Lembaga termasuk Pengerusi untuk menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-29.
- 4. AGENDA 2:** Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-28 yang berlangsung pada Ahad, 23 Jun 2024.
- 5. AGENDA 3:** Menerima Laporan Anggota Lembaga bagi Sesi 2024-2025.
- 6. AGENDA 4:** Menerima Penyata Kewangan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2024.
- 7. AGENDA 5:** Memilih Anggota Lembaga Koperasi bagi Sesi 2025-2026.
- 8. AGENDA 6:** Meluluskan Belanjawan bagi Tahun 2026.
- 9. AGENDA 7:** Meluluskan Pelantikan satu Panel Juruaudit Luar untuk mengaudit Akaun KOBANGI bagi Tahun 2025.
- 10. AGENDA 8:** Menimbang dan meluluskan Ruang Lingkup dan Had Pelaburan daripada wang lebihan Koperasi mengikut Seksyen 54 Akta.
- 11. AGENDA 9:** Menentukan Had Maksimum Keberhutangan Koperasi.
- 12.AGENDA 10:** Mendengar,Menimbang atau Memutuskan apa-apa cadangan atau usul bertulis yang telah diberikan kepada Setiausaha tidak kurang daripada tujuh (7) hari sebelum Mesyuarat Agung iaitu sebelum atau pada Ahad 18 Mei 2025, jam 12:00 tengahari.
- 13. AGENDA 11:** Membincangkan hal-hal lain, jika ada.
- 14. AGENDA 12:** Ucapan Penangguhan.

Perutusan

PENGERUSI KOBANGI



Anggota KOBANGI yang dirahmati Allah s.w.t sekalian.

Alhamdulillah, segala pujian bagi Allah s.w.t. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w, kaum keluarga dan para sahabatnya.

Syukur Alhamdulillah, terlebih dahulu ingin saya mengalu alukan penyertaan anggota semua ke Mesyuarat Agung KOBANGI Ke-29 secara atas talian dan fizikal. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada semua warga KOBANGI yang terus memberi sokongan bagi merealisasikan misi KOBANGI.

Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada barisan Anggota Lembaga KOBANGI yang telah berjaya menyediakan Pelan Strategik KOBANGI 2025-2027 dan telah dilancarkan pada April 2025. Pelaksanaan Pelan Strategik KOBANGI 2022-2024 telah mencapai pencapaian yang memberangsangkan. Di antaranya adalah Program Digitalisasi yang telah meningkatkan pentadbiran dan pengurusan koperasi ketahap yang lebih efisien dan cemerlang.

Pelan Strategik KOBANGI 2025-2027 akan terus tumpu kepada perniagaan Hartanah dengan memperkenalkan inisiatif baharu sebagai nilai tambah kepada perniagaan Hartanah. Di dalam Pelan ini, KOBANGI akan membuat kajian kebolehlaksanaan perniagaan-perniagaan strategik baharu yang boleh dilaksanakan dan menjana pendapatan dan keuntungan yang mampan.

Pada tahun 2024, KOBANGI telah berjaya mencatat peningkatan pendapatan serta keuntungan bersih berbanding tahun 2023. KOBANGI memperuntukan dividen 5.5% bagi tahun ini dan akan meningkatkan prestasi kewangan di tahun-tahun seterusnya mengikut Pelan Strategik KOBANGI 2025-2027.

Akhir kata, adalah menjadi azam dan hasrat saya bersama Anggota Lembaga KOBANGI untuk menjadikan KOBANGI sebuah koperasi yang cemerlang dan berprestasi tinggi. Ini akan menjadi kebanggaan warga KOBANGI dalam merealisasikan Visi, Misi dan Objektif KOBANGI serta menerapkan nilai teras KOBANGI ke dalam budaya, kepimpinan dan operasi koperasi.

Saya mengucapkan selamat bermesyuarat kepada semua anggota yang hadir dan berharap banyak idea dan cadangan dapat dibincangkan. Jalinan kerjasama di antara Anggota Lembaga dan anggota-anggota koperasi serta rakan niaga adalah penting bagi melihat KOBANGI terus berjaya di masa depan.

"WAWASAN PEMBANGUNAN EKONOMI BERSAMA"

Sekian, terima kasih.


PROF. DATUK MOHD YUSOF KASIM

Pengerusi

Koperasi Penduduk Bandar Baru Bangi Berhad.



Latar Belakang KOBANGI



Koperasi Penduduk Bandar Baru Bangi atau ringkasnya KOBANGI, telah ditubuhkan pada 18 September 1995.

KOBANGI ditubuhkan sebagai koperasi Perkhidmatan dengan objektif utama untuk membantu pembangunan sosioekonomi anggota-anggotanya dan masyarakat setempat.

KOBANGI merupakan anak kandung Persatuan Penduduk Bandar Baru Bangi yang ditubuhkan pada tahun 1977. Resolusi untuk menubuhkan KOBANGI telah dibincang dan dipersetujui dalam Majlis Perhimpunan Penduduk Bandar Baru Bangi Pertama pada 16 Januari 1991. Anggota Lembaga KOBANGI yang telah berkhidmat sejak penubuhan KOBANGI wajar diberi setinggi - tinggi penghargaan di atas jasa dan sumbangan yang diberi sehingga membawa kejayaan kepada KOBANGI ke hari ini. KOBANGI telah memulakan aktiviti perniagaan didalam sektor hartanah dimana sehingga tahun 2024, KOBANGI telah memiliki 6 premis komersial untuk disewakan dan 2 bidang tanah berstatus bangunan untuk dibangunkan. KOBANGI akan terus mengorak langkah ke hadapan dengan menceburi pelbagai aktiviti perniagaan strategik selain daripada sektor hartanah.



MAKLUMAT KOPERASI

PENGERUSI

YBHC. PROF. DATUK MOHD YUSOF
BIN KASIM

SETIAUSAHA

AHMAD DENIL BIN HASBULLAH

BENDAHARI

GAZALI BIN JAAFAR

ANGGOTA LEMBAGA

PROF. DR HJ. WAN MOHTAR
BIN WAN YUSOFF

HUSSIN BIN YUNOS

AHMAD SUFIE BIN MUNASIR
ABDUL JAMIR BIN MD SAAD

GAZALI BIN JAAFAR
KAMARUDDIN BIN MOHAMED
MUHAMMAD FARAHI 'ARIF
BIN TAJUL ARIFFIN

AMINUDIN BIN MD DESAH
HAMDI BIN OTHMAN
ASRULSANI BIN SHANON

JURUAUDIT DALAM

OTHMAN BIN SODIKIN

JURUAUDIT LUAR

TETUAN MUSSA CONSULTING

BANK

BANK KERJASAMA RAKYAT BERHAD
BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD

PEGUAM

TENTUAN ELIDA, IMRAN & PARTNERS

ALAMAT

KOMPLEKS PENDIDIKAN ISLAM
BANGI JALAN 6C/4, SEKSYEN 16,
43650 BANDAR BARU BANGI,
SELANGOR DARUL EHSAN.

TELEFON


019-3847738



www.kobangi.com

Ruj. JPK.IP(UU) 6381/1(2)

Bil. Daftar Koop.Kawasan
No.435



PERAKUAN PENDAFTARAN

Bagi

KOPERASI PENDUDUK BANDAR BARU

BANGI BERHAD

Adalah dengan ini di perakui bahawa Koperasi Penduduk
Bandar Baru Bangi Berhad

telah pada hari ini didaftarkan di bawah seksyen 7 Akta Koperasi 1993
sebagai suatu koperasi asas
dengan liabiliti terhad.

Undang-undang kecil koperasi tersebut, yang diterimapakai oleh
mesyuarat agung permulaannya, juga didaftarkan pada hari ini.

Diberi dengan kuasa Ketua Pendaftar dan dimeteraikan pada hari ini

..... lapan belas haribulan September
seribu sembilan ratus sembilan puluh lima


JAMAL BIN ABD. RAHMAN
Pendaftar



PERAKUAN PENDAFTARAN PINDAAN KEPADA UNDANG-UNDANG KECIL

Adalah dengan ini diperakukan bahawa pindaan undang-undang kecil

keseluruhan

KOPERASI PENDUDUK BANDAR BARU BANGI BERHAD

telah didaftarkan di bawah

subseksyen 18(3) Akta Koperasi 1993.

Ditandatangani dan dimeteraikan pada hari ini

*enam haribulan **September** tahun **dua ribu dua puluh dua**.*

(DATO' HAJI ZAZALI BIN HARON)
Pengerusi Eksekutif
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

(ZAINUDDIN BIN MOHD ALI)
Setiausaha
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

*No. Daftar: **Koop Kawasan No.435**
Ruj: **SKM.IP.(PEND)B-219/(8)***





SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA
CAWANGAN WILAYAH HULU LANGAT/GOMBAK
ARAS 7, MENARA MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
JALAN PANDAN UTAMA, PANDAN INDAH
55100 KUALA LUMPUR.



Tel : 03-4295 7066/7053/7062
Portal Rasmi : www.skm.gov.my
E-mail : selangor@skm.gov.my

Ruj. Kami : SKM/HLT/D/0011/JLD.2 (16)
Tarikh : 08 Januari 2025

Pengerusi
Koperasi Penduduk Bandar Baru Bangi Berhad
Kompleks Pendidikan Islam Bangi (KPIB)
Jalan 6C/4, Seksyen 16
43650 Bandar Baru Bangi
Selangor Darul Ehsan

Tuan,

MAKLUMAN NOMBOR PENDAFTARAN KOPERASI 12 DIGIT

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Maklumat am dan nombor pendaftaran 12 digit bagi **Koperasi Penduduk Bandar Baru Bangi Berhad** sebagaimana berikut :

Tarikh Daftar	:	18/09/1995
No. Pendaftaran 12 Digit	:	199559400243
No. Pendaftaran Lama	:	KOOP. KAWASAN NO.435
Alamat Berdaftar	:	Sekolah Agama Lama (LEPAI) Jalan 6/6C, Bandar Baru Bangi 43650 Bangi, Selangor Darul Ehsan

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(NOR SYAZWANI BINTI HARUN)

b.p Penolong Pengarah
Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Wilayah Hulu Langat/Gombak

VISI DAN NILAI TERAS

VISI	Menjadi <i>Koperasi Pilihan</i> yang menyediakan Perkhidmatan bagi Pembangunan Ekonomi yang <i>Progresif dan Mampan</i> untuk <i>Kesejahteraan Sosioekonomi</i> Anggota dan Masyarakat mengikut prinsip Koperasi.				
MISI	(1) Memberi Pulangan Dividen yang memuaskan kepada Anggota. (2) Menyediakan Perkhidmatan dan Pembekalan Produk yang Berkualiti pada Harga yang Berpatutan dan Kompetitif kepada Anggota dan Masyarakat. (3) Menyediakan Perkhidmatan untuk Pembangunan Ekonomi melalui Perkongsian Perniagaan Pintar <i>[Smart Business Partnership]</i> dengan Anggota dan Masyarakat. (4) Penglibatan Koperasi dalam Pembangunan Sosioekonomi Masyarakat disekitar Bandar Baru Bangi.				
NILAI TERAS	S inergi	P rihatin	E ntrepreneur	E tika	D isiplin
SPEED	Budaya kerja yang tangkas dan cepat. Ringkas, fokus dan permudahkan semua proses kerja.				
SINERGI	Berkerja secara kolaboratif sebagai satu pasukan dan berkerjasama dengan pelanggan dan rakan kongsi.				
PRIHATIN	Mengambil berat tentang pembangunan sosioekonomi masyarakat dan tanggungjawab sosial.				
ENTREPRENEUR	Memupuk pemikiran dan budaya keusahawanan dikalangan anggota Koperasi dalam perniagaan.				
ETIKA	Etika kerja professional – Integriti dan Akauntabiliti.				
DISIPLIN	Mengamalkan disiplin yang tinggi sebagai teras asas dalam mencapai kecemerlangan.				

PRINSIP-PRINSIP KOPERASI

(1) KEANGGOTAAN SUKARELA DAN TERBUKA

Berasaskan kepada definisi Koperasi, keanggotaan sesebuah Koperasi mestilah secara sukarela dan terbuka tanpa ada sekatan dari segi taraf sosioekonomi, agama mahupun pegangan politik. Keanggotaan adalah kepada sesiapa yang inginkan faedah daripada kegiatan Koperasi dan bersedia menerima segala tanggungjawab sebagai anggota. Sebaliknya, sebagai anggota Koperasi adalah bebas untuk menarik diri tanpa halangan. Daripada prinsip ini dapat dikatakan bahawa kewujudan Koperasi dapat memberikan justifikasi kepada masyarakat. Ini kerana masyarakat akan berminat menganggotai Koperasi sekiranya kemahuan dipenuhi dan menjauhinya sekiranya tidak mendapat apa-apa kelebihan daripada berkoperasi.

(2) KAWALAN SECARA DEMOKRASI OLEH ANGGOTA

Di dalam Koperasi, kuasa muktamad berada di tangan anggota-anggota disebabkan kuasa yang tertinggi di dalam struktur organisasi Koperasi adalah terletak kepada anggota. Dalam segala hal yang melibatkan pengundian, prinsipnya adalah satu anggota satu undi tanpa mengira kepada jumlah saham yang dimiliki anggota. Ini merupakan pengiktirafan kepada kenyataan bahawa manusia bekerja bersama-sama untuk mencapai objektif yang sama perlu mempunyai hak bersuara dalam organisasi yang diusahakan bersama. Ini agak berbeza dengan organisasi perniagaan yang lain di mana modal yang disumbangkan oleh pemegang saham menunjukkan jumlah pegangan undi dalam menentukan kuasa pengundian.

(3) PENGLIBATAN ANGGOTA DALAM KEGIATAN EKONOMI

Setiap anggota akan menyumbang modal mengikut syarat yang telah ditetapkan dan mempunyai peluang untuk melibatkan diri dalam aktiviti ekonomi yang dijalankan oleh Koperasi. Untuk menghargai sokongan dan penglibatan anggota Koperasi boleh memberikan pulangan ke atas apa yang telah disumbangkan oleh mereka. Sebagai contoh, Koperasi boleh memberikan rebat kepada anggota yang banyak berlanggan dengan kedai Koperasi dan jika Koperasi mempunyai keuntungan bersih yang boleh diagihkan, anggota juga boleh diberikan dividen atas syer yang mereka sumbangkan.

(4) KEBEBASAN DAN AUTONOMI

Koperasi bersifat autonomi dan mempunyai hak untuk menjalankan aktiviti mengikut kesesuaian. Sekiranya Koperasi membuat apa-apa perjanjian dengan organisasi lain termasuk kerajaan atau badan kewangan, ia perlu memastikan kawalan demokratik oleh anggota dan mempertahankan autonomi Koperasi tersebut. Koperasi juga berhak menentukan apa faedah yang boleh diperolehi dan juga bagaimana Koperasi digerakkan berlandaskan prinsip-prinsip dan undang-undang Koperasi yang sedia ada. Antara lain prinsip keempat ini memberi kebebasan kepada Koperasi menetapkan hala tuju dan matlamat Koperasi, kebebasan untuk menggaris, menambah dan membatalkan UUK, memilih wakil-wakil lembaga untuk mentadbir Koperasi, bebas untuk bergabung dengan mana-mana Koperasi yang difikirkan sesuai dan memberi manfaat kepada anggota-anggota Koperasi.

(5) PENDIDIKAN, LATIHAN DAN MAKLUMAT

Prinsip ini adalah amat penting kerana prinsip-prinsip lain tidak dapat dicapai jika prinsip ini tidak dilaksanakan. Koperasi menyediakan pendidikan dan latihan kepada setiap anggota, perwakilan yang dilantik mentadbir Koperasi serta kakitangan Koperasi. Ini akan menyumbang secara efektif kepada pembangunan Koperasi. Melalui maklumat pula, masyarakat sekeliling akan mengetahui kebaikan apabila berkoperasi. Objektif prinsip ini adalah untuk menggalakkan pendidikan dan latihan kepada anggota Koperasi dan menyebarkan maklumat berkaitan Koperasi kepada orang ramai.

(6) KERJASAMA DI ANTARA KOPERASI-KOPERASI

Koperasi perlu memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada anggota untuk memastikan institusi ini akan berkekalan. Untuk meningkatkan keupayaan Koperasi berbuat demikian, Koperasi-Koperasi sendiri perlu bekerja bersama-sama melalui rangkaian (networking) yang baik di peringkat setempat, kebangsaan dan antarabangsa. Prinsip ini perlu diberi perhatian bagi meningkatkan kerjasama di antara Koperasi dan memperkukuhkan kecekapan perjalanan aktiviti Koperasi.

(7) PRIHATIN TERHADAP MASYARAKAT

Prinsip ini menitik beratkan tanggungjawab sosial pihak Koperasi dan anggota-anggotanya terhadap komuniti di kawasan operasi. Antaranya adalah bekerjasama menunjukkan keprihatinan kepada komuniti di kawasan operasi, prihatin kepada jiran dan alam sekitar. Dengan lain perkataan, Koperasi dan anggota-anggotanya perlu menjadi warga yang baik. Walau bagaimanapun prinsip ini hanya akan terlaksana sekiranya keperluan anggota sudah dapat direalisasikan dan anggota berpuashati dengan perkhidmatan yang Koperasi tawarkan.

KOPERASI PENDUDUK BANDAR BARU BANGI BERHAD (KOBANGI)
AHLI LEMBAGA KOPERASI SESI 2024-2025



DATUK PROF. MOHD YUSOF
BIN KASIM
(PENGURUSI)



AHMAD DENIL BIN HASBULLAH
(SETIAUSAHA)



GAZALI BIN JAAFAR
(BENDAHARI)



AHMAD SUFIE BIN MUNASIR



DR. HJ. WAN MOHTAR BIN
WAN YUSOFF



HUSSIN BIN YUNOS

**KOPERASI PENDUDUK BANDAR BARU BANGI BERHAD (KOBANGI)
AHLI LEMBAGA KOPERASI SESI 2024-2025**



AMINUDIN BIN MD DESAH



DR. ABDUL JAMIR BIN MD SAAD



KAMARUDDIN BIN MOHAMMAD



HAMDI BIN OTHMAN



ASRULSANI BIN SHAHNON



MUHAMMAD FARAHI 'ARIF
BIN TAJUL ARIFFIN

**KOPERASI PENDUDUK BANDAR BARU BANGI BERHAD
(KOBANGI)
STRUKTUR ORGANISASI PENGURUSAN SESI 2024-2025**



**DATUK PROF. MOHD YUSOFF BIN KASIM
PENERUSI**



**AHMAD DENIL
BIN HASBULLAH
SEKRETARIAT**



**GAZALI BIN JAAFAR
KETUA BAHAGIAN
KEWANGAN & PEROLEHAN**



**DR. ABDUL JAMIR
BIN MD SAAD
KETUA BAHAGIAN
SYARIAH DAN KEBAJIKAN**



**DR. HJ. WAN MOHTAR
BIN WAN YUSOFF
KETUA BAHAGIAN
KEANGGOTAAN**




**AHMAD SUFIE BIN MUNASIR
KETUA BAHAGIAN
PEMBANGUNAN PERNIAGAAN STRATEGIK**



**MUHAMMAD FARAHI 'ARIF
BIN TAJUL ARIFFIN
(UNIT PERNIAGAAN STRATEGIK)**



**DR. HJ. WAN MOHTAR
BIN WAN YUSOFF
(UNIT PERNIAGAAN STRATEGIK)**



**AMINUDIN BIN MD DESAH
(UNIT PERNIAGAAN STRATEGIK)**



**KAMARUDDIN BIN MOHAMMAD
(UNIT PENGURUSAN HARTANAH)**



NOTIS MESYUARAT



KOPERASI PENDUDUK BANDAR BARU BANGI BERHAD

[K O B A N G I]

Kompleks Pendidikan Islam Bangi (KPIB), Jalan 6C/4, Seksyen 16, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan.

No. Tel. Bimbit (Setiausaha) 019-3847738 E-Mel Setiausaha denil1957@yahoo.com LamanWeb: www.kobangi.com

KOBANGI/SU/N/2024-2025 (10)

12 Mei 2025 bersamaan 14 Zulkaedah 1446H

KEPADA SEMUA ANGGOTA KOPERASI BANDAR BARU BANGI BERHAD

Yang Berbahagia Dato'/Datuk/Datin/Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

NOTIS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-29 KOPERASI PENDUDUK BANDAR BARU BANGI BERHAD

Dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-29 Koperasi Penduduk Bandar Baru Bangi Berhad (KOBANGI) akan diadakan pada tarikh, masa dan tempat seperti berikut:-

Tarikh : Hari Ahad, 15 Jun 2025 bersamaan 18 Zulhijjah 1446H

Masa : Jam 9:30 pagi

Kaedah : FIZIKAL dan MAYA (ZOOM Meeting)

**Tempat : Bilik Seminar, Kompleks Pendidikan Islam Bangi, Jalan 6C/4, Seksyen 16,
43650, Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan**

2. Yang Berbahagia Dato'/Datuk/Datin/Tuan-Tuan dan Puan-Puan adalah dengan hormatnya dijemput hadir ke mesyuarat ini. Bersama-sama notis ini dilampirkan agenda mesyuarat. Borang Pencalonan dan Borang Usul serta lain-lain dokumen mesyuarat akan disediakan di dalam pautan sesawang www.kobangi.com dan juga dilampirkan bersama Notis ini.

Jika terdapat sebarang usul atau pencalonan yang ingin dikemukakan dalam agenda mesyuarat, anggota KOBANGI **PERLU** melengkapkan dan mengembalikan **BORANG USUL** dan **BORANG PENCALONAN** melalui <https://form.jotform.com> yang dilampirkan sebelum atau pada **Ahad, 8 Jun 2025, jam 12:00 tengahari**.

Sekian, harap maklum dan terima kasih.

“WAWASAN PEMBANGUNAN EKONOMI BERSAMA”

Dengan perintah Anggota Lembaga Koperasi,

KOPERASI PENDUDUK BANDAR BARU BANGI BERHAD.



HJ. AHMAD DENIL BIN HASBULLAH

Setiausaha

KOPERASI PENDUDUK BANDAR BARU BANGI BERHAD.

s.k.

1. Pengarah Suruhanjaya Koperasi Malaysia Negeri Selangor Darul Ehsan.
2. Penolong Pengarah, SKM Wilayah Hulu Langat/Gombak.
3. Pengerusi dan semua ALK

KOPERASI PENDUDUK BANDAR BARU BANGI BERHAD

[K O B A N G I]

Kompleks Pendidikan Islam Bangi (KPIB), Jalan 6C/4, Seksyen 16, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan.

No. Tel. Bimbit (Setiausaha) 019-3847738 E-Mel Setiausaha denil1957@yahoo.com LamanWeb: www.kobangi.com

AGENDA MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-29

1. Melantik seorang Anggota untuk mempengerusikan Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-29, mengikut fasal(1) Undang-Undang Kecil 33.
2. Ucapan Aluan Yang Berbahagia Datuk Pengerusi KOBANGI Sesi 2024-2025.
3. **AGENDA 1:** Melantik satu Jawatankuasa yang terdiri daripada enam (6) orang Anggota dan empat (4) orang Anggota Lembaga termasuk Pengerusi untuk menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-29.
4. **AGENDA 2:** Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-28 yang berlangsung pada Ahad, 23 Jun 2024.
5. **AGENDA 3:** Menerima Laporan Anggota Lembaga bagi Sesi 2024-2025.
6. **AGENDA 4:** Menerima Penyata Kewangan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2024.
7. **AGENDA 5:** Memilih Anggota Lembaga Koperasi bagi Sesi 2025-2026.
8. **AGENDA 6:** Meluluskan Belanjawan bagi Tahun 2026.
9. **AGENDA 7:** Meluluskan Pelantikan satu Panel Juruaudit Luar untuk mengaudit Akaun KOBANGI bagi Tahun 2025.
10. **AGENDA 8:** Menimbang dan meluluskan Ruang Lingkup dan Had Pelaburan daripada wang lebihan Koperasi mengikut Seksyen 54 Akta.
11. **AGENDA 9:** Menentukan Had Maksimum Keberhutangan Koperasi.
12. **AGENDA 10:** Mendengar,Menimbang atau Memutuskan apa-apa cadangan atau usul usul bertulis yang telah diberikan kepada Setiausaha tidak kurang daripada tujuh (7) hari sebelum Mesyuarat Agung iaitu **sebelum atau pada Ahad 8 Jun 2025, jam 12:00 tengahari.**
13. **AGENDA 11:** Membincangkan hal-hal lain, jika ada.
14. **AGENDA 12:** Ucapan Penangguhan.

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-29

ATURCARA MAJLIS

08:30 pagi: Pendaftaran Dalam Talian dan Fizikal.

**09:30 pagi: Kata Aluan Pengacara Majlis dan
Bacaan Doa.**

09:45 pagi: Ucapan Pengerusi KOBANGI.

10:00 pagi: Mesyuarat Agung Bermula.

01:00 tgh: Mesyuarat Dijangka Tamat.

AGENDA MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-29



- 1. Melantik seorang Anggota untuk mempengerusikan Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-29, mengikut fasal(1) Undang-Undang Kecil 33.**
- 2. Ucapan Aluan Yang Berbahagia Datuk Pengerusi KOBANGI Sesi 2024-2025.**
- 3. AGENDA 1: Melantik satu Jawatankuasa yang terdiri daripada enam (6) orang Anggota dan empat (4) orang Anggota Lembaga termasuk Pengerusi untuk menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-29.**
- 4. AGENDA 2: Mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-28 yang berlangsung pada Ahad, 23 Jun 2024.**
- 5. AGENDA 3: Menerima Laporan Anggota Lembaga bagi Sesi 2024-2025.**
- 6. AGENDA 4: Menerima Penyata Kewangan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2024.**
- 7. AGENDA 5: Memilih Anggota Lembaga Koperasi bagi Sesi 2025-2026.**
- 8. AGENDA 6: Meluluskan Belanjawan bagi Tahun 2026.**
- 9. AGENDA 7: Meluluskan Pelantikan satu Panel Juruaudit Luar untuk mengaudit Akaun KOBANGI bagi Tahun 2025.**
- 10. AGENDA 8: Menimbang dan meluluskan Ruang Lingkup dan Had Pelaburan daripada wang lebihan Koperasi mengikut Seksyen 54 Akta.**
- 11. AGENDA 9: Menentukan Had Maksimum Keberhutangan Koperasi.**
- 12. AGENDA 10: Mendengar, Menimbang atau Memutuskan apa-apa cadangan atau usul bertulis yang telah diberikan kepada Setiausaha tidak kurang daripada tujuh (7) hari sebelum Mesyuarat Agung iaitu sebelum atau pada Ahad 8 Jun 2025, jam 12:00 tengahari.**
- 13. AGENDA 11: Membincangkan hal-hal lain, jika ada.**
- 14. AGENDA 12: Ucapan Penangguhan.**

PELANTIKAN SEORANG ANGGOTA MENJADI PENGURUS MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-29 MENGIKUT FASAL(1) UNDANG-UNDANG KECIL 33

Mengikut Fasal(1) Undang-Undang Kecil 33: mana mana anggota boleh dilantik untuk menguruskan Mesyuarat Agung Tahunan.

Anggota Lembaga Koperasi mencadangkan Y.BhgDatuk Mohd Yusof Bin Kasim, Pengurus KOBANGI dilantik untuk menguruskan Mesyuarat Agung Tahunan Ke-29 pada hari ini.

Mesyuarat Agung Tahunan diminta menerima dan bersetuju dengan cadangan ini.

AGENDA 1

Melantik satu Jawatankuasa yang terdiri daripada enam (6) orang Anggota dan empat (4) orang Anggota Lembaga termasuk Pengerusi untuk menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-29

Bagi menjimatkan masa, Anggota Lembaga Koperasi mencadangkan nama- nama Anggota dan Anggota Lembaga Koperasi berikut dilantik untuk menentusahkan Draf Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke-29 mengikut fasal (1) perenggan (I) Undang-Undang Kecil 32 .

PELANTIKAN ENAM(4) ANGGOTA LEMBAGA

1. Prof. Datuk Mohd Yusof Bin Kasim (Pengerusi)
2. Ahmad Denil Bin Hasbullah
3. Asrulsani Bin Shahnnon
4. Gazali Bin Jaafar

PELANTIKAN ENAM (6) ANGGOTA

1. Othman Bin Sodikin
2. Hamdan Bin Ghazali
3. Ahmad Shamsuri Bin Mohamad
4. Syazani Bin Suhaifi
5. Abdul Mutalib Bulin
6. Y

Mesyuarat Agung Tahunan diminta menerima dan bersetuju dengan cadangan ini di mana pelantikan satu (1) lagi anggota akan ditentukan oleh Anggota Lembaga Sesi 2025-2026 yang baharu.

AGENDA 2



**MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT
AGUNG TAHUNAN KALI KE-28
YANG BERLANGSUNG PADA
AHAD, 23 JUN 2024 SESI 2023/2024**



KOPERASI PENDUDUK BANDAR BARU BANGI BERHAD [K O B A N G I]

Kompleks Pendidikan Islam Bangi (KPIB), Jalan 6C/4, Seksyen 16, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan
No Tel. Bimbit (Setiausaha) 019-3847738 E-Mel Setiausaha denil1957@yahoo.com LamanWeb: www.kobangi.com

MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KOPERASI PENDUDUK BANDAR BARU BANGI BERHAD YANG KE-28 BAGI SESI 2023-2024

TARIKH : Hari Ahad, 23 Jun 2024 bersamaan 16 Zulhijjah 1445H

MASA : Jam 9:30 pagi.

TEMPAT: Bilik Seminar, Kompleks Pendidikan Islam Bangi
Jalan 6C/4, 43650, Bandar Baru Bangi
Selangor Darul Ehsan

KAEDAH: Hybrid (Fizikal dan Maya [Zoom Meeting])

PENDAHULUAN

1. Mesyuarat Agung Tahunan Kali Ke-28 Koperasi Penduduk Bandar Baru Bangi Berhad (MAT28) diadakan secara **Hybrid** iaitu secara **Fizikal** di Bilik Seminar, Kompleks Pendidikan Islam Bangi, Bandar Baru Bangi dan secara **Maya (Zoom Meeting)** di rumah/tempat masing-masing. Anggota Lembaga ditempatkan di Pusat Siaran (*Broadcasting Station*) di Bilik Seminar, Kompleks Pendidikan Islam Bangi, Bandar Baru Bangi untuk mengendalikan mesyuarat ini.
2. Bilangan anggota yang layak hadir dalam MAT28 hari ini berdasarkan Pangkalan Data Keanggotaan pada 16 Jun 2024 ialah seramai **418 anggota** dan jumlah kuorum mengikut Peraturan 13 (Jadual VI) ialah **1/3 dari 418 anggota**; iaitu seramai **139** anggota.
3. Bilangan anggota yang menghadiri MAT28 adalah seramai **161 anggota (64 Fizikal dan 97 Maya)**. Laporan Kehadiran MAT28 Koperasi Penduduk Bandar Baru Bangi Berhad adalah seperti **LAMPIRAN A**.
4. MAT28 telah dimulakan dengan Pengacara Majlis, Tuan Hj Ahmad Sufie Munasir mengalu-alukan kehadiran anggota secara Maya dan Fizikal. Bacaan doa dipimpin oleh Ustaz Dr Jamir Md Saad sebelum mesyuarat bermula.
5. MAT28 bersetuju sebulat suara memilih Prof. Datuk Mohd. Yusof bin Kasim, Pengerusi KOBANGI sebagai Pengerusi mesyuarat, mengikut fasal (1) undang-undang kecil 33; atas cadangan Anggota Lembaga Koperasi.

UCAPAN ALUAN Y. BHG. DATUK PENERUSI KOBANGI BAGI SESI 2023-2024

- 2.1 YBhg. Datuk Pengerusi mengalu-alukan kehadiran para anggota di MAT28 ini sama ada secara fizikal atau maya dan dipanjatkan kesyukuran kepada Allah SWT yang mengizinkan mesyuarat ini diadakan pada hari ini.
- 2.2 Beliau memaklumkan kepada hadirin sekalian bahawa bilangan anggota KOBANGI adalah seramai 418 anggota dan menyarankan anggota semua untuk menambah bilangan keanggotaan dengan menggalakan suami, isteri dan anak untuk menjadi anggota.
- 2.3 Mengikut Undang-Undang Kecil koperasi, kita perlu kehadiran 1/3 daripada jumlah keanggotaan iaitu **139** daripada 418 anggota untuk menjalankan MAT28. Mesyuarat ini boleh dimulakan memandangkan jumlah kehadiran telah mencapai jumlah yang diperlukan.

2.4 YBhg. Datuk Pengerusi seterusnya memaklumkan dalam MAT28 beberapa perkara penting dan hasrat beliau sebagai Pengerusi KOBANGI seperti berikut:

- a) Membangunkan warga koperasi yang **Berkualiti** dari sudut penglibatan dalam aktiviti koperasi seperti kehadiran di Mesyuarat Agung Tahunan, memberi cadangan yang membangun untuk memajukan koperasi ke hadapan dan menambah syer secara berterusan.
- b) Pelan Strategik KOBANGI (2022-2024) asal mengasaskan 2000 keanggotaan pada 2024 bagi melaksanakan projek peruncitan JOM DAPUR yang dirancang pelaksanaan nya pada akhir tahun 2022. Projek ini tidak dapat dijalankan oleh sebab modal perbelanjaan yang tinggi dan pulangan yang rendah. Sasaran baru adalah 500 keanggotaan pada 2024.
- c) Perniagaan hartanah masih menjadi tumpuan bagi koperasi menjana pendapatan. Beliau berharap koperasi dapat menambah bilangan pemilikan hartanah pada masa depan.

2.5 Akhir kata, Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada barisan Anggota Lembaga yang telah mengurus aktiviti koperasi dengan baik dan pelaksanaan Pelan Strategik KOBANGI (2022-2024).

AGENDA 1: MELANTIK SATU JAWATANKUASA YANG TERDIRI DARI ENAM (6) ORANG ANGGOTA DAN EMPAT (4) ORANG ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI (TERMASUK PENERUSI) UNTUK MENENTUSAHKAN DRAF MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-28

1.1 MAT28 bersetuju sebulat suara melantik enam (6) orang anggota dan empat (4) Anggota Lembaga Koperasi termasuk Pengerusi untuk menganggotai Jawatankuasa Menentusahkan Draf Minit MAT28.

1.2 MAT28 bersetuju sebulat suara menerima cadangan Anggota Lembaga Sesi 2023-2024 bagi memberi mandat kepada Anggota Lembaga baharu untuk melantik dua (2) anggota lagi bagi menganggotai Jawatankuasa Menentusahkan Draf Minit MAT28.

Bil.	Nama Anggota	No. Anggota
A. Anggota		
1.	Ahmad Shamsuri Bin Mohamad	K510
2.	Othman Bin Sodikin	K451
3.	Hamdan Bin Ghazali	K529
4.	Abd. Mutalib Bin Bulin	K442
5.	YY	
6.	ZZ	
B. Anggota Lembaga Koperasi		
7.	Prof Datuk Mohd Yusof Bin Kasim (Pengerusi)	K394
8.	Ahmad Denil Bin Hasbullah	K385
9.	Ahmad Sufie Bin Munasir	K276
10.	Gazali Bin Jaafar	K494

AGENDA 2: MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-27 YANG BERLANGSUNG PADA AHAD 18 JUN 2023

- 2.1 Mesyuarat Agung Tahunan bersetuju mengesahkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke-27 yang berlangsung pada Ahad, 18 Jun 2023 atas cadangan Hj. Abd Mutalib bin Bulin (No. Anggota:K442) dan sokongan Hj. Md Adnan Suratman (No. Anggota:K458). Minit ini telah terlebih dahulu **ditentusahkan** oleh Jawatankuasa Menentukan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke-27 yang telah bermesyuarat pada Ahad, 9 Julai 2023.

AGENDA 3: MEMBENTANG DAN MELULUSKAN LAPORAN ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI PENDUDUK BANDAR BARU BANGI BERHAD BAGI SESI 2023-2024

3.1 Mesyuarat Agung Tahunan:-

- (a) membincangkan Laporan Anggota Lembaga KOBANGI bagi sesi 2023-2024 yang dibentangkan oleh Setiausaha;
- (b) mengambil maklum pencapaian KOBANGI bagi sesi 2023-2024 di antaranya
 - (i) penyewaan tingkat bawah Projek 7: Kedai Pejabat 2-Tingkat di Southville City mulai Jun 2024 dan tingkat satu dijangka pada bulan Ogos 2024;
 - (ii) pelancaran Pelan Strategik KOBANGI 2022-2024(Pindaan 1) pada Julai 2023;
 - (iii) pelaksanaan Sistem Keanggotaan dan Perakaunan (Sistem iKOOP) pada awal 2024; dan
 - (iv) menerima Anugerah Koperasi terbaik 2023 di peringkat Negeri Selangor dan Nasional. Disenaraikan Koperasi Ke-27 Terbaik di Selangor dan diantara 350 koperasi Terbaik di peringkat Nasional.
 - (v) pencapaian kewangan bagi 2023 adalah baik dimana pendapatan meningkat berbanding dengan pencapaian pada 2022. Perbelanjaan pada 2023 adalah kurang dari 2022 dan ini mencatat keuntungan yang lebih tinggi dari 2022.
 - (vi) Dividen yang dicadangkan oleh ALK adalah 5% berbanding dengan 7% bagi tahun 2022. Ini di sebabkan pelarasan operasi diatas perbezaan modal syer anggota yang tersilap istihar pada 2022.
- (c) sebulat suara meluluskan Laporan Anggota Lembaga KOBANGI bagi sesi 2023-2024 seperti dibentangkan; atas cadangan Hj Sabardin bin Ahmad (No. Anggota: K015) dan sokongan Hj. Abd Mutalib Bulin (No. Anggota: K422).

AGENDA 4: MENERIMA DAN MELULUSKAN PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2023

4.1 Mesyuarat Agung Tahunan:-

- (a) mengambil perhatian pembentangan oleh Bendahari mengenai Penyata Kewangan bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2023 yang telah diaudit, bersama dengan Laporan Juruaudit ke atas Penyata Kewangan berakhir 31 Disember 2023 oleh Mussa Consulting, juruaudit luar KOBANGI mengikut Seksyen 59 (1) dan (2) Akta Koperasi 1993;
- (b) bersetuju menerima dan meluluskan Penyata Kewangan Koperasi Penduduk Bandar Baru Bangi Berhad bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2023 bersama dengan Laporan Juruaudit; atas cadangan Hj. Amir Nubhan bin Osman (No. Anggota: K287) dan sokongan Hj. Mohd Hafiz bin Mohd Suib (No. Anggota: K400). Dengan kelulusan ini, Mesyuarat Agung Tahunan

juga bersetuju menerima dan meluluskan **pembayaran dividen pada kadar 5.0% (RM 146,714.14), pelarasan bukan operasi berjumlah RM 205,500.23 dan pembayaran honorarium ALK sebanyak RM17,000.00.** Perkara ini tertakluk kepada kelulusan SKM.

AGENDA 5: MEMILIH ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI BAGI SESI 2024-2025

5.1 Mesyuarat Agung Tahunan:-

- (a) diberitahu bahawa tepat jam 5:00 petang hari Ahad 16, Jun 2024, tiada Borang Pencalonan diterima oleh Urusetia. Nama-nama anggota yang dicalonkan oleh Anggota Lembaga Sesi 2023-2024 pada Mesyuarat Khas Ke-2 pada Ahad , 21 April 2024 adalah seperti berikut:

Bil	Nama	Jawatan
1.	Hj. Husin Hj. Yunos	Anggota Lembaga
2.	Hj. Aminudin Md Desah	Anggota Lembaga
3.	Hj. Kamaruddin Mohamed	Anggota Lembaga
4.	Hj. Asrulsani Shahnnon	Anggota

- (b) bersetuju menerima dan meluluskan cadangan Anggota Lembaga sesi 2023-2024 seperti diatas untuk mengisi kekosongan tersebut.
- (c) mengesahkan empat (4) calon tercatat di atas menang tanpa bertanding dan dilantik sebagai Anggota Lembaga baharu bagi sesi 2024-2025. Barisan Anggota Lembaga KOBANGI bagi sesi 2024-2025 adalah seperti berikut:-

1. Prof. Datuk Mohd Yusof bin Kasim
2. Hj. Hussin bin Hj. Yunos
3. Hj. Ahmad Denil bin Hasbullah
4. Hjh. Rosenaini @ Rusnaini binti A Saman
5. Hj. Ahmad Sufie Munasir
6. Ustaz Dr Abdul Jamir bin Md Saad
7. Hj. Aminudin bin Md Desah
8. Hj. Kamaruddin bin Mohamed
9. Prof. Dr. Hj. Wan Mohtar bin Wan Yusoff
10. Hj. Gazali bin Jaafar
11. En Muhammad Farahi 'Arif bin Tajul Ariffin
12. Hj. Asrulsani bin Shahnnon

- (d) sebulat suara bersetuju menerima dan meluluskan pelantikan nama-nama anggota seperti di atas sebagai Anggota Lembaga KOBANGI bagi sesi 2024-2025.

AGENDA 6: MELULUSKAN ANGGARAN BELANJAWAN BAGI TAHUN 2025

6.1 Mesyuarat Agung Tahunan:-

- (a) mengambil perhatian pembentangan Anggaran Belanjawan bagi tahun 2025 oleh Bendahari; dan

- (b) meluluskan Anggaran Belanjawan bagi tahun 2025 tersebut; atas cadangan En Syazani bin Suhaifi (No.Anggota:K522) dan sokongan Hjh. Mariam binti Sulaiman (No. Anggota:K081).

AGENDA 7: MELULUSKAN PELANTIKAN SATU PANEL JURUAUDIT LUAR UNTUK MENGAUDIT AKAUN KOBANGI BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

- 7.1 MAT28 bersetuju sebulat suara menerima cadangan Anggota Lembaga bagi melantik Mussa Consulting untuk mengaudit akaun koperasi bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024.

AGENDA 8: MENIMBANG RUANG LINGKUP DAN HAD PELABURAN YANG DIBIYAI OLEH WANG BERLEBIHAN KOPERASI.

- 8.1 Mesyuarat Agung Tahunan tidak membincang agenda ini.

AGENDA 9: MENENTUKAN HAD MAKSIMUM KETERHUTANGAN

- 9.1 Mesyuarat Agung Tahunan bersetuju sebulat suara mengekalkan had maksimum keterhutangan Koperasi ini pada paras **RM10,000,000.00** seperti tahun lepas.

AGENDA 10: MENDENGAR, MENIMBANG ATAU MEMUTUSKAN APA-APA URUSAN LAIN KOPERASI INI YANG BAGINYA SUATU NOTIS TIDAK KURANG DARIPADA TUJUH HARI TELAH DIBERIKAN KEPADA SETIAUSAHA

- 10.1 MAT28 diberitahu oleh Setiausaha bahawa Urus Setia telah menerima satu Borang Usul seperti **LAMPIRAN B.**
- 10.2 Mesyuarat telah berbincang dan memutuskan anggota untuk uruskan sendiri pindahan wang ke dalam akaun Tabung Haji masing-masing berdasarkan kepada maklum balas dari bank koperasi seperti berikut:
- (a) Bank Rakyat tidak ada sistem pindahan wang secara pukal (Bulk Transfer) ke Tabung Haji. Oleh itu, Bahagian Kewangan mesti lakukan pindahan secara individu (Single Transfer) yang tidak produktif.
 - (b) Sistem Bank Islam boleh lakukan pindahan secara pukal tetapi proses penyediaan data agak rumit dan tidak digalakkan.

AGENDA 11: MEMBINCANGKAN HAL-HAL LAIN (JIKA ADA)

11.1 Cadangan dari Hj Abd. Mutalib bin Bulin (K422)

- (a) Koperasi sewa gerai berhampiran KPIB yang dalam pembinaan untuk perniagaan. Mesyuarat ambil maklum perkara ini dan akan dibincang oleh Anggota Lembaga.
- (b) Elaun Kehadiran dinaikan dari RM50.00 kepada RM100.00
Mesyuarat telah membincangkan cadangan ini dan memutuskan satu usul akan dibawa ke Mesyuarat Agung tahun depan untuk dipertimbangkan dan mendapat kelulusan.

11.2 Cadangan dari Prof. Dr. Hj. Wan Mohtar bin Wan Yusoff

Setiap cadangan dari anggota mesti ada Pencadang dan Penyokong. Cadangan itu perlu dibincang, dipertimbangkan dan diputuskan oleh mesyuarat melalui undian.

Mesyuarat memutuskan bahawa setiap cadangan perlu diusulkan sebelum MAT seperti dimaklumkan kepada anggota melalui Notis MAT supaya ALK boleh mengkaji cadangan-cadangan tersebut sebelum MAT.

Usul ini akan dibentangkan dalam MAT untuk dibincangkan dengan semua anggota yang hadir dan seterusnya memutuskan tindakan selanjutnya.


PENUTUP

- 12.1 Hjh. Rosenaini binti A Saman yang meletak jawatan sebagai Bendahari memohon maaf kepada semua warga KOBANGI sekiranya ada salah silap di sepanjang perkhidmatan beliau di KOBANGI.
- 12.2 Sebagai penutup, Datuk Pengerusi mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada semua anggota yang hadir mesyuarat hari ini.
- 12.3 Datuk Pengerusi memohon maaf bagi diri beliau dan Anggota Lembaga kepada semua anggota kalau ada tersalah silap semasa beliau mengendalikan mesyuarat sebentar tadi.
- 12.4 Bagi pihak KOBANGI, beliau mengucapkan ribuan terima kasih dan penghargaan kepada Hjh. Rosenaini binti A Saman yang telah menyumbang kepada KOBANGI sepanjang perkhidmatan beliau sebagai Bendahari sejak arwah mantan Pengerusi Tan Sri Dato' Mohd Noor Ismail.
- 12.5 Datuk Pengerusi sekali lagi menyarankan semua warga KOBANGI untuk menambah syer dan menggalakkan ramai lagi ahli keluarga untuk menjadi anggota.

PENANGGUHAN

- 13.1 MAT28 ini ditangguhkan oleh Pengacara Majlis pada jam 11:30 tengahari.


Disediakan:



[HJ AHMAD DENIL HASBULLAH]

Setiausaha Lembaga Koperasi Penduduk Bandar Baru Bangi Berhad Sesi 2024-2025

Disahkan:



[PROF. DATUK MOHD. YUSOF BIN KASIM]

Pengerusi Lembaga Koperasi Penduduk Bandar Baru Bangi Berhad Sesi 2024-2025

Bersama Anggota Jawatankuasa Menentusahkan Minit Mesyuarat Agung Tahunan Ke-28

LAMPIRAN A

SENARAI KEHADIRAN MESYUARAT TAHUNAN KOBANGI KE-28 PADA AHAD, 23 JUN 2024 [ZOOM MEETING]					
No	No Anggota	Nama	No HP	No KP	Zoom Masuk
1	1	AHMAD ZAKERI BIN ABDUL KHALIL			Jun 23, 2024 09:01 AM
2	37	MOHD. SUIB BIN MAULUD			Jun 23, 2024 09:40 AM
3	38	ABU BAKAR BIN MOHAMAD			Jun 23, 2024 08:54 AM
4	44	ABDUL AZIZ BIN MOHD NOOR			Jun 23, 2024 11:14 AM
5	115	NORAINI BT MOHAMAD			Jun 23, 2024 11:14 AM
6	126	HARUN BIN MOHD TASIK			Jun 23, 2024 11:57 AM
7	131	NORESAH BT JANUDIN			Jun 23, 2024 09:21 AM
8	141	AZMAH MOHD. NOOR			Jun 23, 2024 09:39 AM
9	206	NADZRI DAUD			Jun 23, 2024 11:03 AM
10	209	NORSIAH HJ IDRIS			Jun 23, 2024 09:05 AM
11	220	AHMAD HUSAINI AHMAD ZAKERI			Jun 23, 2024 09:39 AM
12	229	AMINAH NUR HUDA HUSSIN			Jun 23, 2024 09:45 AM
13	234	HANAS RIZAL A. ZAKERI			Jun 23, 2024 09:21 AM
14	235	ZAHARAH A. RAHMAN			Jun 23, 2024 09:45 AM
15	237	NAEMAH SHARIFUDDIN			Jun 23, 2024 09:23 AM
16	255	RADZIAH BT MOHAMED SALLEH			Jun 23, 2024 10:02 AM
17	257	AMRAN BIN ABD KADIR			Jun 23, 2024 09:57 AM
18	267	ASHRAF BIN SHARIFUDDIN			Jun 23, 2024 10:48 AM
19	268	FAIRUZ BT SHARIFUDDIN			Jun 23, 2024 09:34 AM
20	275	RUSNANI ABDUL KADIR			Jun 23, 2024 10:04 AM
21	280	MOHD. ZABID BIN ROSLAN			Jun 23, 2024 09:45 AM
22	281	MUHAMMAD HANIF HUSSIN			Jun 23, 2024 10:10 AM
23	285	SHAHNUM ABDULLAH			Jun 23, 2024 09:02 AM
24	296	NORIDAH A. MANAN			Jun 23, 2024 09:29 AM
25	299	JUWAIDAH SHARIFUDDIN			Jun 23, 2024 09:46 AM
26	301	ALYAA IMAM SUPAAT			Jun 23, 2024 10:39 AM
27	303	MOHD YAHYA B. ABDUL RAHMAN			Jun 23, 2024 09:58 AM
28	305	HANA BT IMAM SUPA'AT			Jun 23, 2024 11:59 AM
29	311	HANIM HUSSIN			Jun 23, 2024 10:04 AM
30	320	SITI NAZILAH BT MOHD YUSOFF			Jun 23, 2024 10:00 AM
31	323	KHADIJAH BT MOHD TAHIR			Jun 23, 2024 09:02 AM
32	331	NORAINI MARDHIAH HJ MAT RADZI			Jun 23, 2024 09:53 AM
33	334	AZIZAH BT MOHD YUSOP@ABD RAHMAN			Jun 23, 2024 11:26 AM
34	335	NUR MUNIRAH BT MOHD SUIB			Jun 23, 2024 11:25 AM
35	336	NORHAFIZAN BT MOHD SUIB			Jun 23, 2024 09:00 AM
36	338	JAMIL BIN MOHAMED SAPARI			Jun 23, 2024 11:39 AM
37	341	HASLIN JOHARI			Jun 23, 2024 09:21 AM
38	342	SAIFUL HUZAIRI MOHD. HUSSAIN			Jun 23, 2024 09:01 AM
39	345	MOHD. DINUL SYAHIDI SABARDIN			Jun 23, 2024 09:03 AM

No	No Anggota	Nama	No HP	No KP	Zoom Masuk
40	355	REHANA HAMID			Jun 23, 2024 09:12 AM
41	361	NUR SYUKRIYAH MOHD. SUIB			Jun 23, 2024 09:55 AM
42	363	SHAARI CHIN			Jun 23, 2024 09:47 AM
43	369	NURSY UHADA ASYIKIN HAMID			Jun 23, 2024 09:48 AM
44	373	SUKMA ILIANA RADIN			Jun 23, 2024 09:43 AM
45	378	SITI FARAH MD TOHID			Jun 23, 2024 09:27 AM
46	379	SAZLIN SELIM			Jun 23, 2024 09:33 AM
47	385	AHMAD DENIL HASBULLAH			Jun 23, 2024 09:10 AM
48	391	KASTINA ABDULLAH			Jun 23, 2024 10:03 AM
49	392	MUHAMMAD NASRUL IZZAT BIN ANUAR			Jun 23, 2024 09:29 AM
50	393	SITI NOR MASTURAH AB. HALIM			Jun 23, 2024 10:47 AM
51	395	DATIN ZALIAH ISMAIL			Jun 23, 2024 10:41 AM
52	396	MOHD IZZALDIN MOHD YUSOF			Jun 23, 2024 10:05 AM
53	397	MOHD HAAZIY MOHD YUSOF			Jun 23, 2024 09:33 AM
54	398	MUNEERA MOHD YUSOF			Jun 23, 2024 11:49 AM
55	399	MAHIRAH MOHD YUSOF			Jun 23, 2024 10:03 AM
56	401	NOR AZLIN IBRAHIM			Jun 23, 2024 11:13 AM
57	403	MOHD NAZRI RASID			Jun 23, 2024 04:46 AM
58	413	NORLAILIZA AHMAD			Jun 23, 2024 09:18 AM
59	414	RIDHWAN FADHIL MAT RADZI			Jun 23, 2024 08:58 AM
60	415	RIDHWAN FAHMI MAT RADZI			Jun 23, 2024 08:45 AM
61	417	RIDHWAN FAIZ MAT RADZI			Jun 23, 2024 10:40 AM
62	420	MIMI MARINA KAMAL @ KANASIE			Jun 23, 2024 09:07 AM
63	421	NUR ILLIYIN BINTI ROSLAN			Jun 23, 2024 09:32 AM
64	422	MOHD AZFAR BIN ROSLAN			Jun 23, 2024 12:47 PM
65	423	NUR ATIAH BINTI ROSLAN			Jun 23, 2024 09:45 AM
66	426	ENDON BT ABDUL LATIP			Jun 23, 2024 11:40 AM
67	428	JARINI JUSOH			Jun 23, 2024 09:40 AM
68	432	AZMI ABDULLAH			Jun 23, 2024 12:32 PM
69	437	NURFARIHA ABDUL AZIZ			Jun 23, 2024 11:02 AM
70	444	NURFARIHIN ABDUL AZIZ			Jun 23, 2024 08:57 AM
71	445	NURFAIZAH ABDUL AZIZ			Jun 23, 2024 10:49 AM
72	446	NAJIHAH MAT			Jun 23, 2024 09:54 AM
73	448	MOHAMAD YUSOF MAT ZAIN			Jun 23, 2024 08:53 AM
74	450	NIK KAMARULZAMAN YUSOF			Jun 23, 2024 11:46 AM
75	457	MOHAMAD AZRI MOHD. KAMAL			Jun 23, 2024 11:03 AM
76	475	NOOR ZATUL AIN AHMAD			Jun 23, 2024 09:45 AM
77	476	FAIZ ABD. AZIZ			Jun 23, 2024 11:01 AM
78	482	MOHAMED IZWAN MOHD ALIYAS			Jun 23, 2024 10:42 AM
79	483	AMERAH HANIS BINTI HUSSIN			Jun 23, 2024 08:33 AM
80	484	SHAH NUR HUIZAM BIN NASIR			Jun 23, 2024 09:28 AM
81	486	NUR SYAHIDAH BINTI MOHD SUIB			Jun 23, 2024 10:17 AM

No	No Anggota	Nama	No HP	No KP	Zoom Masuk
82	496	MUHAMAD ASRAF BIN MOHD SUKERI			Jun 23, 2024 09:16 AM
83	499	FARAHAN HAZEEM BIN ANUAR			Jun 23, 2024 09:23 AM
84	501	NURDIYANA AHMAD DENIL			Jun 23, 2024 11:51 AM
85	502	NURNADIAH AHMAD DENIL			Jun 23, 2024 11:00 AM
86	504	NURSABRINA AHMAD DENIL			Jun 23, 2024 10:55 AM
87	505	NOOR HAFIZAN BINTI BAHARUDDIN			Jun 23, 2024 10:56 AM
88	506	AZMAN BIN ATAN			Jun 23, 2024 08:54 AM
89	508	MUHAMMAD ARIF IQBAL BIN AHMAD SUFIE			Jun 23, 2024 11:52 AM
90	512	NOORAINI A MANAN			Jun 23, 2024 09:34 AM
91	513	LATIFAH BINTI A MANAN			Jun 23, 2024 10:31 AM
92	514	NASRI BIN AHMAD			Jun 23, 2024 09:38 AM
93	518	AIDA RAFHANA KAMARUDDIN			Jun 23, 2024 09:35 AM
94	519	NOORAIN BINTI MOHD ISA			Jun 23, 2024 09:28 AM
95	520	HASNIZA BINTI KASAM@KASSIM			Jun 23, 2024 11:49 AM
96	521	NAZILAH BINTI MOHD YUSOF			Jun 23, 2024 08:54 AM
97	528	ROMLAH BINTI JAFFAR			Jun 23, 2024 10:56 AM
		BILANGAN KEHADIRAN (ZOOM)	97		

SENARAI KEHADIRAN MESYUARAT TAHUNAN KOBANGI KE-28 PADA AHAD, 23 JUN 2024				
[FIZIKAL]				
No	No Anggota	Nama	No HP	No KP
1	4	DR. TAJUL ARIFFIN NORDIN		
2	7	WAN MOHTAR BIN WAN YUSOFF		
3	15	SABARDIN BIN AHMAD		
4	16	HUSSIN HAJI YUNOS		
5	18	MOHD HASHIM NAWAWI		
6	27	ROSENAINI @ RUSNAINI BT A.		
7	67	MAZLAN BIN BHAROM (ZOLCAPLI		
8	68	MAZRINA BT MAZLAN		
9	69	MAZLAN BIN BHAROM (		
10	70	MAZLAN BIN BHAROM (HUSSIN		
11	71	MAZLAN BIN BHAROM		
12	81	MARIAM BT HJ SULAIMAN		
13	84	AB.RAHIM BIN HJ.MD NOR		
14	92	RUPINAH BT SAIMIN		
15	130	ABU BAKAR CHIK		
16	132	IDRIS MOHAMED @ MAMAT		
17	139	MADIYAH BT HJ DERAMAN		
18	258	AZLINA BT HUSSAIN		
19	276	HJ AHMAD SUFIE BIN MUNASIR		
20	277	ABDUL JAMIR MD. SAAD		
21	286	KAMARINA MOHD ZAIN		
22	287	AMIR NUBHAN OSMAN		
23	291	KAMARUDDIN MOHAMED		
24	293	MOHD YAZID SULAIMAN		
25	300	MUNA BT IMAM SUPAAT		
26	304	NORMAH SEPUAN		
27	313	FARID BIN OMAR		
28	317	MAT BAKAR MAHUSIN		
29	318	NOR FAIZA BT MOHD TOHIT		
30	332	NORHAFIZA BT MOHD TOHIT		
31	333	ROSE IZNAN RIZA BT MOHD		
32	339	FAIZAH BT MOHD ZAKI		
33	343	SHARIPAH ISMAIL		
34	364	MOHD. TOHIT LIRI		
35	383	FATIN HUSNA ABDULLAH		
36	390	AZLAN JABBAR		
37	394	DATO MOHD YUSOF KASIM		
38	400	MOHD HAFIZ MOHD SUIB		
39	438	PARIDAH A. RASHID		
40	439	MAZRI EFFENDY MAZLAN		
41	440	MAZRIZAN MAZLAN		

No	No Anggota	Nama	No HP	No KP
42	441	MAZRI ERNI MAZLAN		
43	442	ABD. MUTALIB BULIN		
44	443	NORAZIAN NORDIN		
45	447	MUHAMMAD HAFEZAN MAT		
46	451	DR. HJ. OTHMAN SODIKIN		
47	453	AMINUDIN MD DESAH		
48	454	HAMIDAH BT. PAMIMIN		
49	456	FADIA MOHAMED ELSAYED		
50	458	MD. ADNAN BIN SURATMAN		
51	459	ZUHRAN BINTI ABDUL RAOF FAIZ		
52	466	SAERAH SALAM		
53	485	FAIZAL ARIF BIN TAJUL ARIFFIN		
54	489	MUHAMMAD FARAH 'ARIF BIN TAJUL ARIFFIN		
55	494	GHAZALI BIN JAAFAR		
56	497	ASRULSANI BIN SHAHNON		
57	510	AHMAD SHAMSURI BIN		
58	522	SYAZANI BIN SUHAIFI		
59	523	AMIRAH NAJIAH BT ABDUL		
60	524	AMIRAH ZAHIRAH BT ABDUL		
61	525	AHMAD JAMALULLAIL BIN ABDUL		
62	526	MUHAMMAD HAIKAL B AMINUDIN		
63	527	NUR NAJLAA' BINTI AMINUDIN		
64	529	HAMDAN BIN GHAZALI		
BILANGAN KEHADIRAN (FIZIKAL)			64	

BILANGAN KEHADIRAN KESELURUAHAN	161
--	------------

Borang Usul

From:Jotform (noreply@formresponse.com)

To: denil1957@yahoo.com

Date: Thursday, May 30, 2024 at 04:09 PM GMT+8



You can see the submission details below.

BORANG USUL KOBANGI MAT28

NAMA ANGGOTA :Azizah Binti Mohd Yusop @ Abd Rahman


NOMBOR ANGGOTA :334

	USUL	CADANGAN PENAMBAHBAIKAN / PENYELESAIAN
1	Kaedah bayaran dividen	Menambah pilihan untuk ahli memberi persetujuan untuk dividen tahunan dikreditkan kedalam akaun Tabung Haji.
2		
3		
4		
5		

TARIKH:30-05-2024

LAPURAN LEMBAGA

SESI 2024-2025



AGENDA 3

MENERIMA LAPORAN ANGGOTA LEMBAGA BAGI SESI 2024-2025

TUJUAN

Kertas ini melaporkan aktiviti-aktiviti dan perkembangan KOBANGI bagi Sesi 2024-2025.

TADBIR URUS KOPERASI KOBANGI

KOBANGI mematuhi semua prinsip-prinsip tadbir urus untuk memenuhi fungsi serta matlamat seperti yang diperuntukkan dalam Undang-Undang Kecil selaras dengan prinsip yang ditetapkan di dalam Akta Koperasi 1993.

ANGGOTA LEMBAGA KOBANGI

KOBANGI diselikan oleh 12 orang Anggota Lembaga Koperasi (ALK) dalam memenuhi fungsi serta matlamatnya seperti yang diperuntukkan dalam Undang-Undang Kecil koperasi.

Senarai Anggota Lembaga KOBANGI 2024-2025 adalah seperti berikut :-

No.	Nama	Jawatan
1.	YBhg. Prof. Datuk Mohd Yusof bin Kasim	Pengerusi
2.	Hj. Ahmad Denil bin Hasbullah	Setiausaha
3.	Hj. Gazali bin Jaafar	Bendahari
4.	Hj. Hussin bin Hj. Yunos	Anggota Lembaga
5.	Hj. Ahmad Sufie bin Munasir	Anggota Lembaga
6.	Ustaz Dr Abdul Jamir bin Md Saad	Anggota Lembaga
7.	Hj. Aminudin bin Md Desah	Anggota Lembaga
8.	Hj. Kamaruddin bin Mohamed	Anggota Lembaga
9.	Dr. Hj. Wan Mohtar bin Wan Yusoff	Anggota Lembaga
10.	En. Muhammad Farahi 'Arif bin Tajul Ariffin	Anggota Lembaga
11.	Hj. Hamdi bin Othman	Anggota Lembaga
12.	Hj. Asrulsani bin Shahnon	Anggota Lembaga

BAHAGIAN DAN JAWATANKUASA

ALK telah melantik ketua-ketua bahagian dan jawatankuasa seperti berikut dan mewakilkan tanggungjawab khusus kepada jawatankuasa bahagian untuk membantu ALK merancang dan melaksanakan aktiviti-aktiviti bahagian dengan lebih teratur, cekap dan berkesan.

a) Bahagian Korporat dan Media	: Hj. Ahmad Denil bin Hasbullah
a) Bahagian Kewangan dan Perolehan	: Hj. Gazali bin Jaafar
b) Bahagian Pembangunan Perniagaan Strategik	: Hj. Ahmad Sufie bin Munasir
c) Bahagian Keanggotaan	: Dr. Hj. Wan Mohtar bin Wan Yusoff
d) Bahagian Syariah dan Kebajikan	: Ustaz Dr Abdul Jamir bin Md Saad
e) Jawatankuasa Audit Dalaman	: Dr. Hj. Othman bin Sodikin

PENGURUSAN DAN WARGAKERJA

KOBANGI tiada melantik pengurus bagi mengurus aktiviti koperasi. Pengurusan koperasi ditadbir urus oleh barisan tertinggi koperasi iaitu Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari serta jawatankuasa bahagian. KOBANGI mempunyai dua (2) wargakerja sambilan bagi menjalankan kerja-kerja pejabat dan perakaunan iaitu:

- a) En Ahmad Shamsuri bin Mohamad : Eksekutif Perakaunan
- b) En Ahmad Jamalullail bin Abdul Kadir : Eksekutif Pentadbiran

BAHAGIAN KORPORAT DAN MEDIA

Perniagaan penyewaan premis komersial merupakan sumber pendapatan utama bagi KOBANGI sejak penubuhan nya pada September 1995. Pada akhir tahun 2024, KOBANGI telah perolehi enam(6) unit premis komersial di sekitar Bandar Baru Bangi. Perolehan terkini ialah sebuah premis ruang perniagaan satu tingkat di tingkat bawah Projek ANJA Residence and Retail, Bandar Baru Bangi yang akan dibiayai oleh Bank Rakyat Berhad yang masih dalam proses permohonan.

Penjualan dua (2) bidang tanah keluasan 5 ekar yang diperolehi pada 2017 masih diteruskan dan sehingga hari ini masih tiada pembeli dan komen dari pembeli adalah kerana kedudukan tanah yang agak jauh dari jalan utama dan kos pembangunan dijangka tinggi. Mesyuarat ALK telah bersetuju dan meluluskan penjualan tanah tersebut dengan harga yang memberi pulangan yang berpatutan kepada KOBANGI.

Pelan Strategik KOBANGI 2025-2027 telah dilancarkan pada 11 April 2025. Pelan Strategik ini akan dijadikan rujukan utama dan hala tuju KOBANGI yang mensasarkan pelbagai perancangan yang bukan sahaja tertumpu kepada sektor ekonomi tetapi penambahbaikan perkhidmatan kepada anggota dan juga pengurusan melalui program digitalisasi.

Program Digitalisasi yang dirancang dalam Pelan Strategik KOBANGI 2022-2024 telah berjaya dilaksanakan sepenuhnya pada awal tahun 2024 dan akan diteruskan dalam **Pelan Strategik KOBANGI 2025-2027**. Penambahbaikan Sistem Pengurusan Keanggotaan dan Perakaunan (Sistem iKOOP) akan diteruskan bagi meningkatkan kualiti pentadbiran dan pengurusan koperasi ketahap yang lebih efisien dan cemerlang. Ini akan memudahkan warga KOBANGI untuk mengakses dan mengemaskini pengkalan data peribadi masing-masing, semak penyata akaun syer dan menambah syer secara atas talian. Unit Pengurusan Sistem Maklumat (MIS) akan pastikan program digitalisasi akan dilaksanakan dengan jayanya. Perkhidmatan Bahagian ini akan diteruskan bagi menyelaras dan menyediakan perkhidmatan sokongan kepada semua bahagian supaya jentera pengurusan dapat beroperasi dengan cekap, produktif dan berkesan.

Disediakan oleh:

Hj. Ahmad Denil bin Hasbullah

Setiausaha KOBANGI

BAHAGIAN KEWANGAN DAN PEROLEHAN

1.0 Ahli Jawatankuasa

- i) Hj. Gazali bin Jaafar - Ketua
- ii) Hj. Ahmad Denil bin Hasbullah – Ex Officio
- iii) En. Ahmad Shamsuri bin Mohamad - Ahli Jawatankuasa

2.0 Fungsi

Fungsi utama bahagian ini adalah untuk menguruskan hal ehwal kewangan dan perolehan koperasi di antaranya pelaburan tunai, pelaburan hartanah dan pelaburan perniagaan strategik koperasi.

3.0 Pencapaian

3.1 Prestasi Kewangan Tahun 2024

Pada keseluruhannya bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024, KOBANGI telah mencatat jumlah pendapatan bersih **RM608,421.54**, peningkatan sebanyak **15.34%** berbanding **RM527,498.33** pada tahun kewangan 2023. Pendapatan dari penyewaan premis bagi tahun 2024 adalah **RM516,249.00** berbanding **RM432,588.00** pada tahun 2023. Peningkatan ini adalah disebabkan penambahan pendapatan sewaan premis baharu di Southville City dan juga disumbang dari peningkatan kadar sewaan bagi penyewa di premis-premis lain.

Perbelanjaan bagi tahun 2024 meningkat kepada **RM293,913.69** berbanding **RM278,592.92** pada tahun 2023. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh perolehan aset baharu di Southville City yang telah meningkatkan jumlah susutnilai aset tetap kepada **RM98,446.75** berbanding **RM84,568.40** pada tahun 2023. Jumlah aset tetap adalah **RM1,387,834.88**. Perolehan ini juga telah menambah caj pembiayaan dari pinjaman SKM 4 sebanyak **RM15,859.98**.

Keuntungan bersih mencatatkan peningkatan dari **RM248,905.41** pada tahun 2023 kepada **RM314,507.85** bagi tahun 2024.

3.2 Dividen

Keuntungan bersih selepas pembahagian berkanun yang dicatatkan pada tahun ini ialah sebanyak **RM264,186.59** berbanding **RM209,080.55** pada tahun 2023. Berdasarkan keuntungan ini, Anggota Lembaga Koperasi mencadangkan bayaran dividen bagi tahun 2024 ditetapkan pada kadar **5.50%** berjumlah **RM185,186.59** berbanding **5.00%** pada tahun 2023.

3.3 Modal Syer

Pada 31 Disember 2024, bilangan keanggotaan adalah **432** orang dengan jumlah modal syer anggota sebanyak **RM3,362,091.24** berbanding tahun 2023 iaitu **429** anggota dan jumlah syer sebanyak **RM3,289,840.19**

4.0 Perancangan

Bahagian Kewangan merancang untuk menyediakan data-data kewangan yang melibatkan kos-kos langsung & tidak langsung yang mana boleh digunakan untuk kegunaan pengiraan sewa bulanan agar menjadi lebih efisien dan berdaya saing. Bahagian ini juga akan terus menambah baik Sistem iKOOP terutamanya dari segi laporan kewangan, transaksi sewa & rekod penghutang agar menjadi lebih mantap dari semasa ke semasa.

Bahagian ini juga akan terus memberi khidmat sokongan kepada Bahagian Pembangunan Perniagaan dalam menyediakan kajian kebolehlaksanaan sesuatu perniagaan strategik yang akan diceburi oleh koperasi.

Disediakan oleh:

Hj Gazali bin Jaafar

Ketua Bahagian Kewangan dan Perolehan

BAHAGIAN KEANGGOTAAN

1.0 Ahli Jawatankuasa

- i) Dr. Hj. Wan Mohtar bin Wan Yusoff - Ketua
- ii) Hj. Ahmad Denil bin Hasbullah – Ex Officio
- iii) Hj. Gazali bin Jaafar– Ex Officio
- iv) Hj. Hamdi bin Othman – Anggota Lembaga
- v) Hj. Asrulsani bin Shahnnon – Anggota Lembaga
- vi) En. Ahmad Jamalullail bin Abdul Kadir - Ahli Jawatankuasa

2.0 Fungsi

Fungsi utama bahagian ini adalah untuk menguruskan hal ehwal keanggotaan dalam aspek permohonan keanggotaan, penambahan syer dan pengeluaran syer serta perkara-perkara berkenaan anggota yang telah meninggal dunia dan berhenti menjadi anggota. Bahagian ini juga bertanggung jawab bagi menarik ramai lagi penduduk sekitar Bandar Baru Bangi menjadi anggota KOBANGI serta mengenal pasti anggota yang berpengalaman dan berpotensi dilantik sebagai Anggota Lembaga pada masa depan.

3.0 Pencapaian

Bilangan keanggotaan KOBANGI pada Disember 2024 adalah 432 orang. KOBANGI mensasarkan penambahan anggota kepada 480 orang pada Disember 2025. Jumlah modal syer anggota pada 31hb Disember 2024 adalah RM3,362,091 berbanding RM3,289,840 pada 31hb Disember 2023, peningkatan sebanyak RM72,251 atau 2.20%.

Sasaran **Pelan Strategik KOBANGI 2025-2027** adalah penambahan keanggotaan seramai 50 orang setiap tahun. Ini adalah untuk memastikan ada penambahan modal syer yang boleh digunakan untuk pembiayaan pemerolehan hartanah baharu dan juga peluang perniagaan strategik baharu. Setakat ini, sembilan puluh peratus (90%) jumlah pembiayaan perolehan hartanah diterima daripada pihak bank atau SKM. Baki sepuluh peratus (10%) dibiayai daripada simpanan KOBANGI. Anggota digalakan menambah tabungan syer supaya koperasi dapat kurangkan jumlah pembiayaan dari luar.

Sistem Keanggotaan IKOOP yang telah dilancarkan pada awal 2024 yang membolehkan semua anggota mengakses pangkalan data masing-masing dan mengemaskini maklumat peribadi masing-masing terutamanya maklumat telefon bimbit dan emel (untuk hebahan maklumat KOBANGI), maklumat bank (untuk pembayaran dividen), semak penyata akaun syer, menambah syer secara atas talian dan membuat penamaan. Semua anggota disarankan mengakses sistem ini dan setakat ini masih ramai yang belum mengemaskini data peribadi mereka terutamanya maklumat telefon bimbit supaya memudahkan pihak KOBANGI untuk membuat sebarang hebahan dan berkongsi maklumat berkenaan aktiviti-aktiviti KOBANGI.

4.0 Perancangan

Bahagian ini akan terus memperkenalkan inisiatif - inisiatif baharu untuk menambah baik Sistem iKOOP. Promosi dan pengambilan keanggotaan akan difokuskan kepada individu yang **BERKUALITI** dalam ertikata anggota yang **BERPERANAN** bagi menjayakan apa jua aktiviti KOBANGI yang akan dirancang dan dilaksanakan. Anggota itu juga diharapkan dapat memberi cadangan yang membangun bagi meningkatkan prestasi KOBANGI serta sentiasa menambah syer supaya modal syer KOBANGI akan bertambah yang dapat mengurangkan kos kewangan dari pinjaman luaran untuk pelaburan di dalam projek perniagaan sedia ada dan baharu.

Disediakan oleh:

Dr. Hj. Wan Mohtar bin Wan Yusoff
Ketua Bahagian Keanggotaan

BAHAGIAN PEMBANGUNAN PERNIAGAAN STRATEGIK (BPPS)

1.0 Ahli Jawatankuasa

- i) Hj. Ahmad Sufie bin Munasir - Ketua
- ii) En. Muhammad Farahi Arif bin Tajul Ariffin - Setiausaha Bahagian
- iii) Hj. Ahmad Denil binHasbullah – Ex Officio
- iv) Hj. Gazali bin Jaafar – Ex Officio
- v) Dr. Hj Wan Mohtar bin Wan Yusoff – Anggota Lembaga
- vi) Hj. Aminudin bin Md Desah – Anggota Lembaga
- vii) Hj. Kamaruddin bin Mohamed – Anggota Lembaga
- viii) Hj. Husin bin Hj. Yunos – Anggota Lembaga
- ix) En. Ahmad Shamsuri bin Mohammad – Eksekutif Perakaunan

2.0 Fungsi

Fungsi utama bahagian ini adalah seperti berikut:

- a. Merancang strategi perniagaan sama ada secara menjalankannya sendiri, usaha sama dengan syarikat luar, usahasama dengan anggota koperasi bagi melaksanakan projek-projek jangka masa pendek dan jangka masa panjang.
- b. Menubuhkan perniagaan yang berpotensi yang dapat menjana pendapatan bagi meningkatkan lagi pendapatan koperasi dari masa ke masa.
- c. Memastikan semua perniagaan yang diceburi koperasi beroperasi dengan sempurna dan mematuhi konsep syariah serta dapat menjana pendapatan bagi koperasi.
- d. Bahagian ini juga bertanggung jawab menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan premis milik KOBANGI.

3.0 Pencapaian dan Perancangan

Tahun 2024 merupakan tahun yang signifikan bagi BPPS apabila koperasi terus memperkukuh kedudukan dalam sektor hartanah komersial dengan pembelian satu lagi unit kedai baru. Fokus utama kami adalah pembelian aset hartanah strategik dan penyewaan kepada penyewa yang berpotensi untuk menjana aliran pendapatan jangka panjang kepada koperasi.

Pada tahun 2024 aktiviti dan projek yang telah dilaksanakan adalah:

a) Pembelian Premis Komersial

- Nama Projek: Projek 8, Lot Kedai ANJA SIGNATURE RETAIL
- Lokasi: Seksyen 6 (berhampiran Hotel Tenera)
- Tarikh Pembelian: 18 Julai 2024
- Tarikh Jangkaan Siap: Awal 2027
- Harga Pembelian: RM770,800.00

b) Status Penyewaan Bangunan

- Jumlah unit dimiliki: 8 buah hartanah (6 premis komersial dan 2 lot tanah di Jenderam).
- Kadar penghunian sehingga 30 April 2025 adalah 100%

c) Perniagaan Baharu

Mesyuarat Anggota Lembaga Ke-6 pada 18 Mei 2025 telah bersetuju dan meluluskan cadangan perniagaan baharu seperti berikut dimana kajian kebolehlaksanaan akan dibuat dan dibentangkan di Mesyuarat Anggota Lembaga bagi mendapat kelulusan pelaksanaan perniagaan tersebut.

i) Perniagaan Air Mineral

ii) Agen Syarikat Insuran

iii) Wakil Syarikat Pelancongan

Diantara perancangan BPPS bagi sesi 2025/26 selaras dengan **Pelan Strategi KOBANGI 2025-2027** adalah:-

- Menjual 2 lot tanah di Jenderam dengan harga RM2juta.
- Meneroka peluang membeli dua lagi unit kedai di kawasan berpotensi tinggi.
- Menyemak semula kadar sewa agar kompetitif dan menguntungkan.
- Membaik pulih bangunan sedia ada untuk mengekalkan penyewa jangka panjang.
- Menilai potensi pelaburan dalam ruang pejabat kecil atau lot komersial strata.
- Meneroka peluang perniagaan baru.

BPPS komited untuk terus mengembangkan portfolio hartanah koperasi secara mampan. Kami percaya, dengan strategi yang teliti dan sokongan anggota, koperasi mampu menjadi pemain hartanah yang dihormati di Bangi dan sekitarnya. Sekalung penghargaan diucapkan kepada Lembaga Koperasi dan semua anggota atas sokongan berterusan.

Disediakan oleh:

Hj. Ahmad Sufie bin Munasir

Ketua Bahagian Pembangunan Perniagaan Strategik

BAHAGIAN SYARIAH DAN KEBAJIKAN

1.0 Ahli Jawatankuasa

- i) Ustaz Dr Abdul Jamir bin Md Saad - Ketua
- ii) Hj. Ahmad Denil bin Hasbullah – Ex-Officio
- iii) Hj. Gazali bin Jaafar – Ex-Officio
- iv) Hj. Hussin bin Hj. Yunos – Anggota Lembaga

2.0 Fungsi

Bahagian Syariah & Kebajikan merupakan bahagian yang memainkan peranan penting untuk mengawal selia perjalanan urus tadbir serta aktiviti perniagaan KOBANGI supaya bertepatan dengan konsep syariah serta muamalah Islam.

3.0 Pencapaian dan Perancangan

Bahagian ini telah merangka dan mensasarkan beberapa inisiatif berikut selaras dengan **Pelan Strategik KOBANGI 2025-2027** bagi memantapkan urus tadbir & aktiviti-aktiviti KOBANGI supaya bertepatan dengan konsep Syariah & Muamalah Islam:

- Merangka & melaksanakan Skim Saham Kebajikan @ infaq Tunai KOBANGI
- Merangka Konsep Skim Hibah Saham KOBANGI
- Memantau & memastikan semua aktiviti perniagaan KOBANGI berteraskan Konsep Syariah & Muamalah Islam (Pelaksanaan Zakat KOBANGI)
- Berusaha untuk mengembangkan Dana Saham Kebajikan @ Infaq tunai KOBANGI melalui pelaburan dan pemilikan hartanah yang berpotensi supaya manfaatnya dapat dimaksimumkan untuk tujuan pembangunan Ummah & kebajikan sosial (Dakwah & Pendidikan)

Disediakan oleh:

Ustaz Dr. Abdul Jamir bin Md Saad

Ketua Bahagian Syariah dan Kebajikan

JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN

1.0 Ahli Jawatankuasa

i) Dr. Hj. Othman Sodikin

2.0 Lapuran

Pemeriksaan Audit Dalam memberi tumpuan kepada beberapa aspek pengurusan antaranya adalah seperti berikut:

- i. rekod dan kemaskini data keanggotaan
- ii. mengenal pasti anggota berhenti atau meninggal dunia
- iii. pembayaran balik saham anggota berhenti atau meninggal dunia
- iv. senarai penyewa, rekod bayaran sewa dan pembaharuan perjanjian
- v. pembayaran dividen dan rekod bayaran

Dapatan menunjukkan bahawa data keanggotaan diurus dengan baik menggunakan sistem ikoop. Senarai anggota aktif dikenal pasti dengan jelas dan rekod anggota berhenti atau meninggal dunia disediakan. Dokumen senarai penyewa, perjanjian, tempoh memperbaharui perjanjian dan jadual pemantauan bayaran disediakan. Begitu juga dengan rekod bayaran dividen melalui akaun bank atau ditambah kepada saham anggota bagi yang kurang daripada RM1000. Kesemua dapatan ini membawa kepada penarafan resiko yang rendah (Tidak Membimbangkan).

Namun berdasarkan lima magnitud impak iaitu Tidak Penting, Kecil, Sederhana, Besar dan Bencana; pengurusan anggota berhenti atau meninggal dunia berada pada tahap Besar yang menghasilkan resiko Ekstrim. Seramai 44 anggota telah meninggal dunia dan 10 anggota memohon berhenti. Saham bagi 10 anggota berhenti telah dapat dibayar balik. Dalam kes anggota meninggal dunia, hanya 26 orang dapat dibayar balik, 4 dalam proses pembayaran manakala 14 anggota dengan jumlah saham RM86,444.10 masih tergendala kerana belum ada permohonan waris dan terputus maklumat perhubungan. Salah seorang daripadanya mempunyai saham berjumlah RM70,000.00. Hal ini meninggalkan kesan resiko ekstrim dalam pengurusan kewangan koperasi.

Jika anggota berhenti atau meninggal dunia belum dibayar balik saham mereka, maka status keanggotaan masih aktif dan berhak menerima apa-apa manfaat koperasi. Dari sudut skala audit, magnitud impak yang

Besar dan meninggalkan kesan Ekstrim adalah peristiwa yang boleh menyebabkan perniagaan menanggung kesan kewangan yang buruk serta memerlukan kerja keras pihak pengurusan untuk menanganinya.

Secara keseluruhannya, Audit Dalam berpendapat bahawa perjalanan koperasi dari aspek yang diperiksa adalah baik dimana semua impak telah diserap atau diurus dalam aktiviti rutin, kecuali perkara yang perlu tindakan segera seperti yang dinyatakan di atas.

Disediakan oleh:

Dr. Hj. Othman bin Sodikin

Juru Audit Dalam

PENUTUP

Pada tahun 2024, KOBANGI telah mencapai kejayaannya dalam menjalankan aktiviti perniagaan **Hartanah** yang menghasilkan keuntungan dan mengekalkan pencapaian secara berterusan. KOBANGI akan terus meneroka peluang perniagaan baharu yang strategik selain dari **Hartanah** seperti dirancang dalam Pelan Strategik KOBANGI 2025-2027. Anggota Lembaga KOBANGI akan memastikan segala aktiviti-aktiviti perniagaan yang akan dilaksanakan dapat memberi pulangan yang memberangsangkan untuk bergerak lebih maju ke hadapan.

Semenjak 2022, KOBANGI telah disenarai dalam Indexs 50 Koperasi Terbaik Selangor iaitu Ke-44 pada tahun 2022, Ke-27 pada tahun 2023 dan Ke-31 pada tahun 2024. KOBANGI juga tersenarai di kedudukan Top 350 Koperasi Terbaik Negara bagi tahun 2022 dan 2023 tetapi tidak pada 2024 (Tangga Ke-360) mungkin disebabkan isu pelarasan syer pada Penyata Tahunan Kewangan 2023. Kita berharap KOBANGI akan dapat terus mencapai prestasi lebih cemerlang pada masa depan. Bilangan koperasi berdaftar di Selangor adalah 2,000 dan 15,500 di seluruh negara.

Anggota Lembaga KOBANGI akan sentiasa mengekalkan kerjasama dengan anggota - anggota bagi menghasilkan koperasi yang **BERKUALITI**. **KUALITI** dari segi tadbir urus dan menjalankan perniagaan strategik yang bernilai tinggi dan berdaya maju yang akan memberi pulangan dividen yang berpatutan kepada semua anggotanya. Peranan dan penglibatan warga KOBANGI yang merupakan **PERINSIP KOPERASI KE-3** adalah dialu-alukan bagi menjayakan **Pelan Strategik Kobangi 2025-2027**.


Disediakan dan disemak oleh:



Hj. Ahmad Denil bin Hasbullah

Setiausaha KOBANGI

Diluluskan oleh:



Prof. Datuk Mohd Yusof bin Kasim

Pengerusi KOBANGI




PROFIL 50

KOPERASI TERBAIK

NEGERI SELANGOR

2024



PROFIL 50 KOPERASI TERBAIK NEGERI SELANGOR 2024

KOPERASI PENDUDUK BANDAR BARU BANGI BERHAD

TARIKH DAFTAR	▶ 18/9/1995
FUNGSI	▶ PENGGUNA
AKTIVITI KOPERASI	▶ PELABURAN
WILAYAH PENYELIAAN	▶ HULU LANGAT / GOMBAK



ANGGOTA

▶ 440 ORANG



SYER & YURAN

▶ RM2,665,000



ASET

▶ RM5,748,000



PENDAPATAN


▶ RM517,000



KUMPULAN WANG
ANGGOTA

▶ RM2,873,000

31





PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2024



**KOPERASI PENDUDUK
BANDAR BARU BANGI BERHAD**



KOPERASI PENDUDUK BANDAR BARU BANGI BERHAD

KOPERASI PENDUDUK BANDAR BARU BANGI BERHAD

BERKENDUYUAN

MUKASURAT

PENYATA KEWANGAN DAN LAPORAN PADA TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

Laporan Pengiraan	1-3
Laporan Suruhanjaya	4
Puncak Kira-Kira	5
Akaun Pembahagian Keuntungan	6
Akaun Untung Rugi	7
Pernyataan Ailiran-Tunai	8-9
Memo Nota Kepada Akaun	10-15

**MUSSA CONSULTING
AKAUNTAN BERTAULIAH**

KOPERASI PENDUDUK BANDAR BARU BANGI BERHAD

31 DISEMBER 2024

ISIKANDUNGAN

MUKASURAT

Maklumat Korporat

Laporan Juruaudit

1 - 3

Laporan Berkanun

4

Kunci Kira-Kira

5

Akaun Pembahagian Keuntungan

6

Akaun Untung Rugi

7

Penyata Aliran Tunai

8 - 9

Nota-Nota Kepada Akaun

10 - 16

KOPERASI PENDUDUK BANDAR BARU BANGI BERHAD
(No Pendaftaran: 435)

ALAMAT PERNIAGAAN

Kompleks Pendidikan Islam Bangi
Jalan 6C/4, Seksyen 16
43650 Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan

ANGGOTA LEMBAGA

Prof. Datuk Mohd. Yusof bin Kasim
Hjh Rosenaini @ Rusnaini bt A. Saman (bersara - MAT ke 28 pada 23/06/2024)
Hj. Gazali Jaafar (berkuat kuasa pada 23/06/2024)
Hj. Ahmad Denil Hasbullah
Hj. Ahmad Sufie Munasir
Hj. Hussin bin Hj. Yunos
Dr Hj. Abdul Jamir bin Md. Saad
Prof. Dr. Hj Wan Mohtar Wan Yusoff
Hj. Kamaruddin Mohamed
Hj. Aminudin Md Desah
En Muhammad Farahi 'Arif Tajul Ariffin
Hj. Hamdi bin Othman
Hj Asrulsani bin Shahnnon (berkuatkuasa pada 23/06/2024)

Pengerusi
Bendahari
Bendahari
Setiausaha

ANGGOTA JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN

Dr. Haji Othman Sodikin
En Hanas Rizal Ahmad Zakeri

BANK

Bank Kerjasama Rakyat Berhad
Bank Islam Malaysia Berhad

JURUAUDIT LUAR

Tetuan Mussa Consulting



LAPORAN JURUAUDIT
KE ATAS PENYATA KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

Kepada:
Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Anggota-anggota **Koperasi Penduduk Bandar Baru Bangi Berhad.(KOBANGI)**

Tuan,

Laporan atas Penyata Kewangan

Kami telah mengaudit penyata kewangan **Koperasi Penduduk Bandar Baru Bangi Berhad (KOBANGI)** yang mengandungi Kunci Kira-Kira pada 31 Disember 2024, Akaun Pembahagian keuntungan, Akaun Untung Rugi dan Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir 31 Disember 2024. dan ringkasan dasar-dasar perakaunan penting dan lain-lain nota keterangan seperti yang dibentangkan bersama.

Tanggungjawab Anggota Lembaga Koperasi ke atas Penyata Kewangan

Anggota Lembaga Koperasi adalah bertanggungjawab dalam penyediaan dan pembentangan penyata kewangan yang saksama mengikut piawaian-piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Koperasi 1993. Tanggungjawab ini termasuk merangka, melaksanakan dan mengekalkan kawalan dalaman yang relevan dengan penyediaan dan pembentangan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang material sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, pemilihan dan penggunaan dasar-dasar perakaunan yang bersesuaian dan membuat anggaran-anggaran perakaunan yang munasabah mengikut keadaan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab kami adalah untuk menyatakan pendapat ke atas penyata kewangan ini berdasarkan kepada pengauditan yang dijalankan. Kami melaksanakan pengauditan menurut piawaian-piawaian audit yang diluluskan di Malaysia. Piawaian-piawaian tersebut menghendaki kami mematuhi etika dan merancang serta menjalankan kerja-kerja audit untuk memperoleh keyakinan yang munasabah mengenai sama ada penyata kewangan ini bebas daripada salah nyata yang material.

Sesuatu audit merangkumi pelaksanaan prosedur-prosedur bagi memperoleh bukti yang menyokong jumlah-jumlah dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur-prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan kami termasuk penilaian risiko salah nyata yang material ke atas penyata kewangan sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko, kami mempertimbangkan kawalan dalaman koperasi yang berkaitan dengan penyediaan dan pembentangan saksama penyata kewangan bagi merangka prosedur-prosedur pengauditan yang bersesuaian tetapi bukan bertujuan untuk memberikan pendapat tentang keberkesanan kawalan dalaman koperasi.

Sesuai audit juga termasuk menilai kesesuaian dasar-dasar perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran-anggaran perakaunan yang dibuat oleh anggota lembaga koperasi dan juga penilaian ke atas pembentangan penyata kewangan secara keseluruhannya.

Kami percaya bahawa bukti audit yang kami peroleh memberikan asas yang wajar bagi pendapat kami.

Pendapat

Pada pendapat kami, penyata kewangan telah disediakan dengan wajar menurut piawaian -piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Koperasi 1993 bagi memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan koperasi pada **31 Disember 2024** dan prestasi kewangan nya serta aliran tunai koperasi bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.


Laporan ke atas Lain-lain Keperluan Perundangan dan Peraturan

Mengikut keperluan Akta Koperasi 1993 di Malaysia, kami juga melaporkan bahawa pada pendapat kami:


- (a) rekod-rekod perakaunan dan rekod-rekod lain telah disimpan dengan sempurna mengikut kehendak Seksyen 58 Akta Koperasi 1993.
- (b) penerimaan, perbelanjaan dan pelaburan wang dan perolehan dan pelupusan aset-aset oleh koperasi dalam tahun kewangan berakhir **31 Disember 2024** adalah mengikut kehendak Akta, Peraturan-Peraturan dan Undang-Undang Kecil Koperasi.
- (c) kedudukan aset-aset dan liabiliti-liabiliti termasuk hutang-hutang belum jelas koperasi adalah munasabah.

Perkara-Perkara Lain

Laporan ini disediakan hanya untuk Suruhanjaya, anggota-anggota koperasi, sebagai sebuah badan, mengikut kehendak Seksyen 63 Akta Koperasi 1993 di Malaysia dan bukan untuk tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain ke atas kandungan laporan ini.



MUSSA CONSULTING (NF 1615)
Juruaudit Koperasi Bertauliah



MUSSA BIN MOHDI
No. Juruaudit SKM (B) 0546

Tarikh: 21.3.2025


KOPERASI PENDUDUK BANDAR BARU BANGI BERHAD


Laporan Berkanun Lembaga Mengikut Seksyen 59(1) (C) Akta Koperasi 1993


Kami bagi pihak Lembaga Koperasi dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2024 sesuai dengan kehendak-kehendak Akta Koperasi 1993. Kami bagi pihak Lembaga Koperasi melaporkan bahawa:

- (a) Operasi Koperasi tidak dipengaruhi oleh perkara - perkara abnormal mengikut Seksyen 59(4).
- (b) Koperasi bercadang untuk membuat pembahagian keuntungan seperti di Akaun Pembahagian Keuntungan pada tahun ini.
- (c) Tiada hal-hal berbangkit yang menjadikan cara menilai aset dan liabiliti kontijen yang diaku janji oleh koperasi yang belum diselesaikan
- (d) Dalam jangka masa yang diliputi oleh akaun untung rugi tiada liabiliti kontijen yang diaku janji oleh koperasi yang belum diselesaikan
- (e) Lembaga Koperasi juga berpendapat bahawa jumlah aset semasa yang ditunjukkan di kunci kira-kira adalah munasabah

Kami bagi pihak Lembaga Koperasi mengaku bahawa selain daripada perkara-perkara tersebut di atas, tiada lain-lain perkara di dalam pengetahuan kami yang tidak dinyatakan yang dikehendaki oleh Akta Koperasi 1933 Seksyen 59 (3).


Pengerusi
Nama: Prof. Datuk Mohd. Yusof Bin Kasim
Tarikh: 16/4/25


Bendahari
Nama: Hj. Gazali Jaafar
Tarikh: 16/4/25


Setiausaha
Nama: Hj. Ahmad Denil Hasbullah
Tarikh: 16/4/25

Dihadapan saya
Tarikh:

KOPERASI PENDUDUK BANDAR BARU BANGI BERHAD

KUNCI KIRA-KIRA PADA 31 DISEMBER 2024

	Nota	<u>2024</u> RM	<u>2023</u> RM
ASET BUKAN SEMASA			
Harta Tanah, Loji Dan Peralatan			
Bangunan	4	4,297,446.12	3,008,057.99
Komputer	4	1.00	1.00
Aset- aset lain	4	2,404.00	4.00
		<u>4,299,851.12</u>	<u>3,008,062.99</u>
Pelaburan Dalam Syer Tak Siar Harga	5	175,587.00	175,587.00
